

04/11/2003

Cuepacs tumpu 3 perkara gaji baru

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sedang menyediakan kertas cadangan baru mengenai gaji dan skim perkhidmatan bagi kakitangan awam.

Setiausaha Agungnya, Datuk Abd Rahman Manan, berkata kertas cadangan itu

bertujuan mewujudkan dimensi baru dalam perkhidmatan awam supaya lebih profesional sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berkata, tiga perkara yang diberi penekanan dalam kertas kerja itu ialah mengenai Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet, Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

"Kita mengadakan bengkel penyediaan blue print Gaji dan Skim Perkhidmatan bagi kakitangan awam, minggu lalu yang dihadiri semua ahli Jawatankuasa Gred dan Klasifikasi Perkhidmatan Cuepacs.

"Kertas cadangan ini bukan saja menyentuh mengenai soal gaji dan skim perkhidmatan tetapi bagaimana sektor awam boleh menyumbang ke arah meningkatkan pungutan hasil sekali gus membangunkan negara dengan lebih berkesan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abd Rahman berkata, kertas kerja itu akan disiapkan dalam tempoh setahun sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, bengkel yang sama juga akan diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) selama tiga hari bermula 8 Disember ini.

Sementara itu, katanya, Cuepacs menyambut baik moto kerja Perdana Menteri, "Kerja bersama saya dan bukannya kerja untuk saya" yang mana ia perlu dihayati oleh kakitangan awam terutamanya.

Beliau berkata, ia juga membolehkan negara terus mencapai kejayaan dan seterusnya mencapai Wawasan 2020 seperti yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita berharap semua kakitangan awam di semua peringkat dapat menghayati

moto ini, menggandakan usaha, meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan masing-masing kerana mereka adalah penggerak kepada pentadbiran negara," katanya.